E D I S I 2023





e-BULFIIN 2023

FAKULTI. PENGURUSAN

& PERNIAGAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS REMBAU







CELIK EKONOMI

Asma' Rashidah Idris, Masrul Hayati Kamarulzaman, Noor Azila Mohd Zaid, Nurain Farahana Zainal Abidin, Zuliana Zoolkefli

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau Tahukah anda apa yang dimaksudkan dengan ekonomi? Pentingkah sesebuah negara mempunyai masyarakat yang celik ekonomi? Ekonomi boleh dimaksudkan tentang bagaimana masyarakat memperuntukkan dan membahagikan sumber yang terbatas untuk memenuhi keperluan dan kehendak mereka. Secara umum, ekonomi melibatkan analisa pengeluaran, pengedaran, dan penggunaan barang dan perkhidmatan.

Ekonomi boleh dibahagi kepada dua bahagian iaitu ekonomi mikro dan makro. Makroekonomi adalah cabang ekonomi yang mempelajari fenomena ekonomi secara keseluruhan, termasuk pertumbuhan ekonomi, inflasi, pengangguran, polisi fiskal dan monetari, perdagangan internasional, dan faktorfaktor lain yang mempengaruhi ekonomi sesebuah negara. Fokus utama makroekonomi adalah pada agregat ekonomi, iaitu pembolehubah-pembolehubah ekonomi yang melibatkan seluruh masyarakat atau sektor ekonomi, bukan individu atau perniagaan.

Manakala, mikroekonomi adalah cabang ekonomi yang mempelajari gelagat individu dan perniagaan serta interaksi antara mereka dalam pasaran. Fokus utama mikroekonomi adalah kepada unit-unit ekonomi kecil dan keputusan ekonomi yang diambil oleh mereka. Antara contoh-contoh mikroekonomi adalah seperti permintaan dan penawaran sesuatu produk di pasaran, keanjalan sesuatu harga barang,

analisa gelagat pengguna terhadap sesuatu produk dan perkhidmatan dan juga struktur pasaran.

Manakala 'celik ekonomi' pula merujuk pada memiliki pemahaman dan pengetahuan yang baik tentang ekonomi dan kemampuan untuk menerapkan konsep ekonomi dalam membuat keputusan, dengan kata lain sebagai kemampuan untuk memahami prinsip-prinsip ekonomi dan memanfaatkannya dalam kehidupan seharian, bagi setiap individu dan juga dalam konteks perniagaan.



 $Picture\ credit\ to:\ https://www.economy-ni.gov.uk/news/northern-ireland-composite-economic-index-quarter-2-2019-published$

RONA TINTA EDISI 2023 99

Hal ini dapat membantu seseorang untuk memahami bagaimana pasaran beroperasi, bagaimana keputusan ekonomi dipengaruhi oleh faktor-faktor ekonomi, dan bagaimana ekonomi dapat mempengaruhi hasil ekonomi. Dengan memiliki pemahaman yang baik tentang ekonomi, seseorang dapat membuat keputusan yang lebih informasional dalam kehidupan sehari-hari, seperti menguruskan kewangan peribadi, pelaburan, menjalankan perniagaan atau memahami setiap keputusan yang diambil oleh kerajaan dan implikasinya terhadap ekonomi. Memiliki fikiran yang celik ekonomi juga dapat membantu individu untuk memahami dan mengikuti perkembangan dan perubahan dalam ekonomi global yang dapat mempengaruhi kehidupan mereka secara langsung maupun tidak langsung.

Rakyat yang celik ekonomi akan memberi impak yang besar terhadap sesebuah negara. Rakyat yang celik ekonomi akan mampu mengatasi tekanan atau gangguan dari pelbagai sudut dan ekonomi tetap berfungsi dengan baik. Sebuah negara yang rakyat nya mempunyai asas ekonomi akan dapat menghadapi tentangan dan cabaran dari luar seperti krisis ekonomi global, perubahan dan ketidakseimbangan politik, perubahan pasaran, kerosakan alam sekitar dengan kesan negatif yang minimal dan pulih dengan cepat.

Kesan buruk yang berpunca dari rakyat yang tidak peduli dan menganggap remeh mengenai asas ekonomi akan menyebabkan pemahaman rakyat yang salah terhadap ekonomi sesebuah negara. Contoh, penyebaran terhadap pemahaman yang salah dan tidak tepat akan menjejaskan persepsi masyarakat terhadap sebarang isu yang berkaitan ekonomi negara. Dengan adanya rakyat yang memahami asas tentang ekonomi, rakyat tidak mudah dimanipulasi dan mereka pula berupaya memberi pandangan yang bernas dan rasional.

Justeru itu, secara kesimpulannya, celik ekonomi amat penting untuk kestabilan politik serta perkembangan dan kelestarian ekonomi sesebuah negara.

RONA TINTA EDISI 2023